

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL
RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 23 MEI 2016

SOALAN :

YB Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk menaiktaraf penjawat awam yang bergred 11 kebawah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 (PP 1/2016) – Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia, penambahbaikan kepada skim perkhidmatan di peringkat kelayakan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT 3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) merangkumi perkara-perkara berikut:

- (a) penambahan lapisan gred kenaikan pangkat daripada dua (2) lapisan kepada empat (4) lapisan iaitu gred 11, 14, 16 dan 18;
- (b) penetapan gaji minimum pada RM1,200 sebulan;
- (c) pemberian faedah pemindahan gaji bersamaan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan berikutan penambahbaikan skim perkhidmatan; dan
- (d) penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum berikutan penambahbaikan skim perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.